



12 Ogos 2021
12 August 2021
P.U. (A) 333

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) (NO. 8) 2021

STAMP DUTY (EXEMPTION) (NO. 8) ORDER 2021

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PENGEQUALIAN) (NO. 8) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subskeyen 80(1) Akta Setem 1949 [*Akta 378*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No. 8) 2021**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 2 Februari 2021.

Pengecualian

2. (1) Suatu surat cara perjanjian pinjaman atau pembiayaan yang berhubungan dengan kemudahan pinjaman atau pembiayaan yang disempurnakan antara suatu perusahaan kecil dan sederhana dengan suatu institusi kewangan adalah, atas permohonan, dikecualikan daripada duti setem.

(2) Pengecualian di bawah subperenggan (1) hendaklah terpakai bagi surat cara yang disebut itu yang disempurnakan menurut surat tawaran yang dikeluarkan oleh institusi kewangan pada atau selepas 2 Februari 2021 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2021.

(3) Permohonan untuk pengecualian di bawah subperenggan (1) hendaklah disertakan dengan surat tawaran daripada institusi kewangan kepada perusahaan kecil dan sederhana yang menyatakan kelulusan kemudahan pinjaman atau pembiayaan itu.

(4) Dalam perenggan ini—

(a) “institusi kewangan” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepada “*banker*” dalam seksyen 2 Akta, dan mana-mana orang yang ditetapkan sebagai